

19/09/2001

Sarawak `model perpaduan negara'

Amirullah Andi Nur

SATU keistimewaan ketara di Sarawak, berbanding negeri lain di negara ini adalah dari segi pegaulan penduduknya yang berbeza agama dan budaya, tetapi mereka dapat terus hidup bersatu padu dan harmoni.

Suasana itu sebenarnya wujud sejak sekian lama dan sepanjang hampir 40 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia, tidak ada langsung catatan sejarah mengaitkan penduduk Bumi Kenyalang terbabit dengan `isu perselisihan kaum'.

Rakyatnya yang kini berjumlah lebih 2 juta orang bukan sahaja mampu sentiasa merapatkan hubungan, malah sama-sama berganding bahu membantu memajukan negeri ini sehingga menjadi antara termaju di Malaysia.

Semangat perpaduan sesama penduduk terus subur dan berkembang luas sepanjang lebih tiga dekad lalu, tambahan ketika ini Sarawak sedang sibuk berusaha untuk menjadi sebuah negeri termaju di negara ini.

Mungkin ramai tidak menyedari suasana positif itu sebenarnya banyak bergantung kepada daya usaha yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) menerusi kepimpinan, ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Berkat kesungguhan kerajaa yang diwakili barisan pemimpin berwawasan tinggi serta disokong oleh Kerajaan Pusat, pimpinan Perda Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sarawak boleh dianggap sebagai `model perpaduan negara'.

Rakyat berbilang kaum boleh dianggap terhutang budi kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sejak sekian lama tidak pernah mahu berkompromi dalam usahanya menegakkan perpaduan di Bumi Kenyalang.

Mengikut laporan Jabatan Perangkaan Sarawak, Bumi Kenyalang ketika inimepunyai lebih daripada 30 suku kaum, namun hanya enam yang dianggap paling bedar.

Kaum itu adalah Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, Orang Ulu dan Melanau.

Mengikut statistik 1991, penduduk Iban di Sarawak dianggarkan berjumlah 490,000 atau 29.5 peratus daripada 1.7 juta keseluruhan penduduk di Bumi Bujang Senang.

Bilangan penduduk Melayu pula dianggarkan berjumlah 350,000 atau mewakili 21 peratus, manakala penduduk Cina dianggarkan berjumlah 480,000 atau 28.9 peratus.

Penduduk Bidayuh pula dianggarkan berjumlah 140,000 atau 8.4 peratus daripada jumlah keseluruhannya, manakala sebahagian lagi baki yang ada membabitkan masyarakat Orang Ulu yang dibahagikan kepada 16 suku kecil.

Sebenarnya amat mudah untuk menyaksikan bentuk keharmonian yang diadakan dan diwarni oleh kerajaan BN di Sarawak.

Seperti juga masyarakat lain di negara ini. Bumi Kenyalang turut meraikan beberapa perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Krismas serta Deepavali.

Namun acara tunggal yang hanya dirayakan di bumi Sarawak adalah Hari Gawai Dayak. Sambutan ini dirayakan oleh masyarakat Dayak seperti Iban. Bidayuh, Orang Ulu sebagai tanda musim menuai sudah berakhir pada setiap 1 dan 2 Jun.

Bagi masyarakat Islam, sambutan Aidilfitri lazimnya adalah juga hari untuk bermaaf-maafan serta mengunjungi sanak-saudara serta rakan jauh dan dekat.

Konsep ini kemudiannya turut dikongsi ketika sambutan perayaan tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas sejak beberapa tahun lalu.

Kini suasana itu sudah mula menjadi tradisi bagi setiap sambutan Hari

Gawai. Kalau dulu, ia lebih sekadar sambutan menuai padi, tapi kini konsepnya lebih luas.

Memulakan tradisi baru ini adalah pemimpin kanan Sarawak. Nyata, ia turut mendapat sambutan baik penduduk, sekali gus menyaksikan sambutan semua perayaan utama di negara ini boleh dianggap paling meriah disaksikan berlaku di Bumi Kenyalang.

Ketua Menteri sendiri dan keluarganya adalah contoh paling baik kepada proses pengukuhan perpaduan ini, selain Timbalannya, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu.

Beliau akan melawat majoriti rumah terbuka pemimpin pelbagai kaum di seluruh Sarawak samada Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Gawai atau pun Krismas.

Mungkin selepas Kerajaan Pusat mengambil keputusan menjadikan sambutan Gawai bersama Pesta Kemaatan, Aidilfitri dan Tahun Baru Cina dijadikan acara nasional, suasana ini (perpaduan dan harmoni) akan lebih bertambah kukuh lagi.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembeda Masyarakatan, Dr Tiki Lafe, ketika mengulas mengenai perkembangan itu berkata, keharmonian yang ditunjukkan oleh penduduk Sarawak amat sukar ditemui ditempat lain.

Beliau berkata, penduduk Sarawak boleh bebrbangga kerana mampu mengenyakan segala perbezaan yang wujud untuk bersatu dan sama-sama menikmati kemajuan yang dibawa oleh kerajaan.

"Mungkin apabila saya memperkatakan mengenai perkara ini ada pihak menolaknya, kerana kebetulan saya sendiri berasal dari Sarawak. Tapi hakikatnya inilah yang berlaku di Bumi Kenyalang dan tidak ada di tempat lain.

"Rakyat berlainan suku dan bahasa serta agama dan budaya mampu duduk semeja, berbincang dan makan bersama memperkatakan mengenai apa juga isu dan masalah, termasuk mengenai masa depan negara ini.

"Malah lebih menarik, penduduk Sarawak sendiri tidak pernah mempersoalkan mengenai latar belakang diri rakan, jiran atau teman sekerja. Keutamaan mereka adalah untuk kekal bersatu padu dan sama-sama memajukan diri, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata, di Sarawak sebenarnya tidak ada satu pun kaum yang boleh mendakwa mereka adalah penduduk majoriti, kerana bilangan mereka masing-masing hampir sama banyak.

Justeru, tegas beliau, soal perpaduan serta sling bekerjasama menjadi asas kukuh kepada penduduk negeri ini, kerana setiap daripada mereka saling memerlukan sokongan.

"Apa lebih menarik, susulan dari perkembangan ini kita dapat menyaksikan bilangan kahwin campur turut meningkat, sekali gus menjadikan Sarawak lokasi `integrasi' penduduk setempat paling tinggi di negara ini," katanya.

Apapun, keharmonian dan perpaduan utuh yang wujud di Bumi Kenyalang pada hari ini hanya mampu dipertahankan oleh penduduk negeri itu sendiri melalui sokongan kepada kerajaan agar kestabilan serta pembangunan dapat terus disinambungkan.

(END)